



Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti

Prosedur Kerja Selamat (PKS)

Aktiviti / Tugas: PENGENDALIAN ALAT DRYING OVEN	
No. Bilik/Makmal/Bengkel: Makmal KPP	Jabatan/PTJ: Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK)
Alat Lindung Diri (ALD) / peralatan / lain-lain pertimbangan keselamatan yang diperlukan: - Kot Makmal - Kasut Bertutup - Sarung Tangan Tahan Haba	
Hazard: - Fizikal (suhu tinggi boleh menyebabkan luka terbakar ringan dan bahaya mekanikal) - Elektrik (litar pintas, terbakar)	
Latihan Yang Diperlukan: Pengendalian alatan yang berisiko tinggi	
Langkah untuk menjalankan tugas dengan selamat:	
1	Sebelum Pengendalian: - Memastikan pengendali memakai ALD dengan lengkap - Memastikan alat diperiksa terlebih dahulu sebelum digunakan terutamanya dari segi kabel elektrik, plug dan seumpamanya. - Memastikan alat telah ditetapkan suhu dan masa operasi sebelum diletakkan sampel. - Memastikan kebersihan ruang kerja. - Memastikan pengendalian sampel dalam keadaan baik (ditempatkan didalam bekas yang bersesuaian dan sebagainya) - Mengelakkan bahagian dalam oven dari sebarang tumpahan sampel / kekotoran. - Memastikan sampel yang digunakan tidak mudah meletup atau terbakar.
2	Semasa Pengendalian: - Jangan buka pintu Oven terlalu kerap bagi mengelakkan ketidakstabilan suhu - Pastikan pintu oven ditutup dengan rapat selepas sampel dimasukkan. - Jangan melakukan kerja secara berseorangan selepas waktu pejabat. Maklumkan kepada orang lain tentang tempat dan masa kerja-kerja sedang dilakukan. - Patuhi cara kerja selamat sepanjang pengendalian alat ini.

- 3 **Selepas pengendalian:**
- 3.1 Pastikan punca elektrik ditutup terlebih dahulu dan suhu mencapai tahap minimum sebelum sampel dikeluarkan.
 - 3.2 Pastikan sarung tangan yang tahan haba digunakan.
 - 3.3 Bersih dan kemaskan lokasi kerja.
 - 3.4 Simpan ALD yang telah digunakan ditempat yang telah dikhaskan.
 - 3.5 Cuci tangan dengan sempurna.
 - 3.6 Memastikan semua insiden / kejadian merbahaya dilaporkan dalam masa 24 jam kepada Penyelaras KKP (OSH C) Pn Siti Mahirah Yusuf (Samb.No: 7801)

Pengesahan

Disediakan oleh:



Pn. Juskasmini Binti Jusoh
Penolong Pegawai Sains
Tarikh: 16 Jun 2026

Disemak oleh:



Pn. Siti Mahirah Binti Yusuf
Pegawai Sains
Tarikh: 21/6/2026

Diluluskan oleh:



En Md Lukmi Bin Ismail
Ketua Pegawai Sains Kanan
Tarikh: 3/7/2026